

# Pemimpin perlu berintegriti, jujur

Tanpa nilai murni mudah terjebak gejala rasuah, tidak dipercayai rakyat

Oleh Rafidah Mat Ruzki,  
Khairul Azran Hussin  
dan Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin perlu memiliki integriti dan jujur kerana tanpa nilai itu, mereka akan terjebak dalam gejala rasuah serta tidak boleh dipercayai.

Perdana Menteri berkata, pemimpin juga perlu bersedia be-

kerja keras melaksanakan tugas, selain terus menambah pengetahuan serta menyedari perubahan di sekeliling mereka terutama ketika berdepan kemajuan teknologi dan cabarannya.

Berkongsi ilmu berkaitan kepimpinan pada perhimpunan pemimpin pelajar dari seluruh dunia pada Simposium Kepimpinan Cendekiawan Universiti 2019 Ke-10 di sini, semalam, katanya, jika pemimpin tidak menyedari perubahan itu, mereka tidak mampu meyakinkan negara mengenai keperluan untuk mengetahui perkembangan dan menyebabkan negara ketinggalan.

“Satu lagi nilai yang mungkin tidak diberi penekanan wajar ialah rendah diri. Tanpanya, ego akan memacu seseorang pemimpin.

“Sudah tentu ada pihak menyen-

takan ego boleh juga menjadi sesuatu yang positif kerana ia menjadikan seseorang pemimpin ber tekad dan berdaya saing, tetapi ego yang kita fahami, boleh juga memusnahkan kerana ia mampu menyebabkan pemimpin tidak boleh menerima kritikan dan pendapat berbeza,” katanya.

Simposium itu yang dirasmikan Dr Mahathir, turut dihadiri Menteri Besar, Amirudin Shari dan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Perdana Menteri berkata, golongan muda perlu berpegang kepada nilai baik dan mengamalkannya dalam kehidupan.

“Jika golongan muda dapat menjadikan nilai baik sebagai kebiasaan, ia dapat memberi jaminan masyarakat berada di landasan yang benar,” katanya.

Dr Mahathir berkata, jika nilai dan idea mulia diketepikan dalam kepesatan dunia, negara akan ke-

tandusan nilai kemanusiaan dan kesabaran serta hilang sifat rendah diri dan sensitiviti.

“Jika kita percaya dengan memberi yang terbaik kepada negara sesuatu yang mulia dan wajar, negara kita akan dikurniakan rakyat yang bertanggungjawab dan mempunyai nurani,” katanya.

Di **Kuala Lumpur**, Perdana Menteri berkata, integriti dan kejujuran adalah nilai mulia yang harus dimiliki usahawan dan bukan hanya mengutamakan keuntungan semata-mata.

Katanya, ia penting jika seseorang usahawan mahu kekal dalam bidang perniagaan diceburinya.

“Kita banyak bercakap mengenai bagaimana kita berharap mempunyai usahawan yang memacu negara dalam aspek ekonomi, pembangunan dan pertumbuhan. Kepada sebahagian orang, ia berbunyi seperti keuntungan, pendapatan dan perolehan.

“Yang lebih penting dalam kita mencipta model ekonomi berjaya melalui keusahawanan adalah usahawan kita berkembang dengan nilai mulia iaitu integriti dan kejujuran,” katanya berucap pada majlis Anugerah 100 Usahawan Muda Paling Berpengaruh (100MIYE) 2019 di sini, malam tadi, yang turut dihadiri isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah 100MIYE kepada artis terkemuka yang juga usahawan, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat kepada Pengerusi Eksekutif dan Pengasas Top Glove Corporation Bhd, Tan Sri Lim Wee Chai.

Penerima lain Anugerah 100MIYE tahun ini termasuk ratu skuasy negara, Datuk Nicol David; jago badminton negara, Datuk Lee Chong Wei dan Pengasas Hatten Group, Datuk Edwin Tan.